

Ruj : UKM KPD/262/2

Tarikh : 10 April 2017

Semua Pelajar
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

1. **PENILAIAN PENGAJARAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2016-2017**
2. **PENDAFTARAN AWAL KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2017-2018**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan saudara/i dikehendaki membuat penilaian kursus yang diikuti pada Semester 2 Sesi Akademik 2016-2017 secara atas talian **di laman web SPPKE, www.ukm.my/sppke mulai 24 April hingga 7 Mei 2017** sebelum membuat pendaftaran awal Semester 1 Sesi Akademik 2017-2018.

Seterusnya, saudara/i **diwajibkan** membuat pendaftaran awal kursus Semester 1 Sesi Akademik 2017-2018 bermula **24 April hingga 7 Mei 2017 di laman web SMPE, www.ukm.my/smpe. Sebelum membuat pendaftaran sila rujuk terlebih dahulu penawaran kursus di laman web PKP mengikut mod pengajian masing-masing.** Pendaftaran awal ini penting bagi perancangan PKP untuk semester hadapan.

Semua kursus yang telah didaftarkan semasa pendaftaran awal dianggap akan diambil oleh pelajar melainkan pelajar menggugurkan atau menarik diri kursus semasa tempoh gugur kursus atau tarik diri kursus. Adalah diingatkan semula bahawa pelajar yang menggugurkan kursus atau menarik diri kursus pada semester hadapan **akan dikenakan denda** seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini. Pastikan hanya kursus yang benar-benar ingin diikuti sahaja didaftarkan.

Sebarang kesulitan sila hubungi pihak kami di talian 03-8921 3546/5609. Kerjasama yang diberikan didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian, harap maklum.


Yang Berhormat,

PROF DR NORHAMIDI MUHAMAD
Pengarah

s.k. - Ketua Bahagian Pengurusan Akademik, PKP
 - Penyelaras Program, PKP